

Headline	Tiada agama membenarkan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Mar 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	14	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	240 cm <sup>2</sup>
Journalist	Intan Mas Ayu Shahimi	AdValue	RM 8,830
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,490



# 'Tiada agama membenarkan'

Seks sejenis, bebas ditangani dengan dekati golongan berkenaan

**Intan Mas Ayu Shahimi**

**T**IADA peruntukan undang-undang termasuk agama di negara ini membenarkan hubungan sejenis, seks bebas atau perkahwinan sejenis, tegas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mashitah Ibrahim.

Seiring itu, beliau berkata, kerajaan dengan kerjasama pihak berkuasa agama negeri akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang didapati melanggar peruntukan undang-undang terabit.

"Kerajaan sentiasa berusaha menangani masalah sosial seperti lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang menular di kalangan masyarakat terutama umat Islam menerusi dua pendekatan berbeza iaitu pencegahan serta penguatkuasaan

undang-undang.

"Ini kerana gaya hidup LGBT terbukti mendedahkan mereka kepada masalah sosial lebih buruk termasuk pelacuran, dadah, risiko HIV dan Aids serta kecelaruan psikologi dan mental," katanya menjawab soalan Mohd Nizar Zakaria (BN-Parit) di Dewan Rakyat, semalam.

Mohd Nizar ingin tahu langkah diambil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menangani masalah homoseksual dan lesbian yang makin berleluasa di kalangan orang Islam.

Dr Mashitah berkata, dalam aspek pencegahan, kementerian banyak mengadakan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi mendekati golongan berkenaan serta memberi penjelasan, latihan dan kesedaran mengenai kesan LGBT.

"Antaranya termasuk



**DR MASHITAH...tangani masalah sosial**

memberi penjelasan mengenai fatwa berkaitan LGBT, menyediakan dan menggubal Modul LGBT, melaksanakan latihan sukarelawan, mengadakan Program Mukhyyam Komuniti Disayangi Bersama Mak Nyah serta memberi

pendedahan serta penjelasan terus melalui facebook.

"Manakala bagi aspek penguatkuasaan, undang-undang memperuntukkan secara jelas dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 dan boleh dikuatkuasakan kepada orang Islam saja," katanya.

Beliau berkata, akta berkenaan bagaimanapun memperuntukkan Seksyen 21 bagi menangani kesalahan pelacuran, Seksyen 22 (muncikari atau ibu ayam), Seksyen 25 (liwat), Seksyen 26 (musahaqah atau lesbian), Seksyen 28 (lelaki berlagak wanita) serta Seksyen 29 (perbuatan sumbang di tempat awam).

"Apapun, semua usaha ini tidak bermakna jika tidak didukung bersama pihak kementerian, jabatan serta agensi berkaitan," katanya.